

Berita Harian 29 Jun 78.

Dr. Mahathir nafikan projek pembangunan untungkan orang kaya

ALOR SETAR, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir menafikan sekeras-kerasnya tuduhan bahawa usaha Kerajaan membawa pembangunan dan kemajuannya menjadikan orang kaya bertambah kaya dan golongan miskin bertambah miskin.

Tegas beliau, tuduhan itu adalah tidak benar kerana semua projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah memberi faedah khasnya kepada golongan berpendapatan rendah.

"Rakyat sendiri dapat menyaksikan berbagai projek yang dilaksanakan di seluruh negara adalah menguntungkan mereka sendiri," katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian di majlis penyampaian bantuan lapan buah lori, lima buah traktor, sepuluh ekor lembu, baja dan benih-benh buah-bauhan kepada Koperasi Peladang di daerah Kubang Pasu di Changlun, 28 batu dari sini semalam..

Kekuatan dan kesetabilan ekonomi negara membolehkan kerajaan mendapat kemudahan pinjaman dari luar negeri bagi melaksanakan berbagai projek pembangunan dan perindustrian untuk rakyat, tegas beliau.

Bellau menambah kebolehan Kerajaan menjamin kedudukan ekonomi yang kukuh dan mata wang yang setabil hingga mendapat kepercayaan negara-negara luar untuk memberi pinjaman wang kepada negara ini.

Menurutnya, selama ini Kerajaan juga telah menggunakan wang pinjaman yang diperolehi itu dengan cermat dan teliti bagi mempastikan setiap projek yang dilaksanakan benar-benar berfaedah kepada rakyat.

Bellau mengingatkan rakyat terutama golongan miskin bahawa mereka tidak mungkin mendapat bantuan-bantuan seperti sekarang ini jika mereka masih lagi berada di bawah pemeritahan penjajah British.

"Ini satu nikmat kemerdekaan yang besar kepada rakyat kerana hasil mahsul negara ini telah dapat digunakan dengan sepenuhnya demi membantu mereka," katanya.

Oleh itu jelaannya lagi, rakyat hendaklah bersyukur dan terus berusaha menggunakan nikmat itu dengan sebaik-baiknya demi kesenangan masa depan mereka.

Bellau bagaimanapun kesal kerana terdapat golongan yang tidak bersyukur atas nikmat tersebut sebaliknya mengancam Kerajaan pula.

Dr. Mahathir memberi jaminan Kerajaan akan terus membantu untuk meninggikan taraf hidup masing-masing.